



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**19 Jun 2015 / 2 Ramadan 1436**

**Ramadan: Bulan Membangun Nilai Keluarga**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ رَمَضَانَ شَهْرًا مُبَارَكًا. وَفَرَضَ فِيهِ الصِّيَامَ  
وَأَعَدَّ فِيهِ فَضْلًا كَبِيرًا وَأَجْرًا عَظِيمًا. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى  
اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah kita kini berada pada Jumaat pertama di dalam bulan Ramadan. Marilah kita perbaharui azam untuk laksanakan segala perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya. Mudah-mudahan dengannya kita mencapai ketakwaan sebenar diakhir Ramadan nanti.

Saudaraku,

Bulan Ramadan dikenali juga sebagai bulan kebaikan. Bulan di mana Allah s.w.t. memberikan pahala yang berlipat kali ganda bagi amalan soleh yang dilaksanakan. Manakan tidak. Nabi

s.a.w. bersabda yang bermaksud: *“Apabila tiba bulan Ramadan, dibuka pintu-pintu syurga dan ditutup pintu-pintu neraka, syaitan pula dibelenggu”*. [Hadith Muttafaq Alaihi]

Imam Al-Qadhi ibn Iyyadh menafsirkan maksud *“pintu-pintu syurga dibuka”* adalah banyaknya peluang meraih kebaikan dan ketaatan yang terdapat pada bulan ini berbanding bulan lain. Oleh itu pastikanlah kita dan keluarga tidak melepaskan peluang mengejar kebaikan dan keistimewaan bulan mulia ini. Dalam berusaha meraih pembebasan daripada api neraka di bulan ini, bawalah keluarga kita bersama beribadah dan melakukan kebajikan. Ingatlah firman Allah s.w.t. di dalam Surah At-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ  
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ  
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar dan keras, yang tidak mendurhakai apa yang diperintahkan Allah kepada mereka dan pasti mengerjakan apa yang diperintahkan”*.

Usahakanlah saudara di bulan ini untuk kita membangun nilai-nilai murni bersama keluarga. Contohnya ajarkan mereka untuk

banyak berdoa ketika sedang berpuasa dan berbuka. Ini kerana Nabi s.a.w. pernah berpesan: *“Sesungguhnya orang yang berpuasa itu ketika berbuka memiliki doa yang tidak akan ditolak”*. [Hadith riwayat Ibnu Majah]

Bahkan Imam At-Thoyalisi meriwayatkan bahawa perawi hadith ini iaitu Abdullah Ibn Amr Ibn Al-As akan mengajak isteri dan anaknya untuk berdoa ketika berbuka puasa. Dalam kita ini sibuk mengejar pahala terawih dan membaca Al-Quran, janganlah kita lupakan anak-anak dan pasangan. Perkuatkanlah hubungan dengan Allah bersama-sama keluarga kita. Moga dengan demikian Allah perkuatkan hubungan kita sekeluarga dan mengurniakan ketenangan kepada rumah tangga kita.

Marilah kita berusaha bermula Ramadan ini, untuk lebih banyak bersama keluarga. Jadikan sesi berbuka, bertadarus Al-Quran dan berterawih bersama sebagai pencetus untuk menjadikan rumah kita tempat yang kita berasa untuk senang kembali kepadanya. Apabila rumah kita diisi dengan amalan kebaikan yang ikhlas maka insya Allah hati penghuni menjadi tenteram. Akan terbitlah kedamaian daripada limpahan rahmah Allah s.w.t.

Saudaraku, ambillah juga peluang Ramadan ini untuk kita sekeluarga memperkuatkan hubungan sesama insan. Contohnya, masjid-masjid dan persatuan-persatuan Islam

Singapura akan mengadakan program menabur bakti kepada seluruh masyarakat Singapura sepanjang bulan ini.

Maka pastikanlah kita sekeluarga juga dapat meraih menabur bakti dengan menyertai usaha-usaha sukarelawan yang lain. Sepertimana kita mengharapkan limpahan rahmah dan ihsan Allah kepada kita, maka taburkan keihsanan kita dahulu. Mudah-mudahan, berkat kita sekeluarga menabur bakti, melimpahkan kasih sayang kita kepada sesama insan tanpa mengira bangsa dan agama, Allah sudi mengurniakan kita pula kasih sayang dan rahmahNya. Ini sesuai dengan hadith Nabi s.a.w. yang bermaksud: *“Barangsiapa yang melapangkan satu kesusahan dunia dari seorang Mukmin, maka Allah melapangkan darinya satu kesusahan di hari Kiamat. Barangsiapa memudahkan (urusan) orang yang kesulitan, maka Allah Azza wa Jalla memudahkan baginya di dunia dan akhirat. Barangsiapa menutupi (aib) seorang Muslim, maka Allah akan menutup (aib)nya di dunia dan akhirat. Allah senantiasa menolong seorang hamba selama hamba tersebut menolong saudaranya.”*

Sesuai dengan semangat hadith ini marilah kita juga berusaha untuk menjadi seorang warga Singapura yang prihatin dan bertimbang rasa terhadap warga lain. Contohnya apabila kita melaksanakan terawih, kita tidak meletakkan kereta di tempat yang menghalang laluan kenderaan. Didiklah keluarga kita bahawa adalah tanggungjawab kita sebagai seorang Muslim

yang baik untuk membawa harapan kepada sesiapa sahaja dan bukan hanya masyarakat Islam. Oleh itu, jika ada peluang untuk kita membantu persatuan yang bukan Islam sekalipun urusan kemasyarakatan, seharusnya kita merebut peluang menabur rahmah itu. Dengan demikianlah kita sebagai duta Islam akan dapat memartabatkan agama ini.

Semoga pada Ramadan kali ini, kita menjadi insan yang lebih gigih berusaha mencapai keredhaan Allah s.w.t. Semoga Allah s.w.t. memurnikan hati kita dan memelihara keikhlasan kita sekeluarga di dalam melakukan kebajikan. Mudah-mudahan Ramadan kali ini menjadi Ramadan yang membawa lebih banyak kebaikan kepada kita, keluarga dan negara. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.